

PERSEPSI PENSYARAH TERHADAP KONSEP PENDIDIKAN QIRAAT: SATU KAJIAN DI DQ DAN MTQN

Zainora binti Daud, Mustaffa Abdullah, Noorsaleha binti Mohd Salleh
Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS; Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, UM;
Jabatan Usuluddin KUIS
zainora@kuis.edu.my; mustaffa@um.edu.my; norsaleha@kuis.edu.my.

ABSTRAK

Sumbangan dan peranan DQ dan MTQN menyediakan wadah perkembangan ilmu qiraat di negara ini amat terserlah sejak beberapa dekad sehingga kini. Pendidikan Qiraat telah diperkenalkan sejak penubuhannya lagi di DQ pada tahun 1966 dan di MTQN sekitar tahun 1980an hingga kini. Bahkan perkembangan pendidikan qiraat ini telah melalui pelbagai proses pemurniaan, perubahan dan pengemaskinian dari aspek tempoh pengajian, isi kandungan dan kaedah penilaian. Justeru itu, Kajian ini dijalankan untuk menganalisa konsep Pendidikan Qiraat. Kajian ini memfokuskan kepada para pensyarah yang terlibat dengan p&p kurikulum qiraat. Bagi mencapai tujuan tersebut, reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif bersifat deskriptif melalui kaedah tinjauan semasa dengan menggunakan metode soal selidik dan temu bual. Kesemua instrumen pengutipan data telah diubahsuai oleh pengkaji dan disahkan kandungannya oleh panel rujukan pakar. Tahap nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach yang diperoleh bagi semua instrumen adalah tinggi (>0.9). Seramai 46 orang pensyarah daripada Darul Quran dan MTQN di Malaysia telah dipilih untuk kajian ini. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif. Penekanan terhadap konsep Pendidikan Qiraat ini amat penting untuk menjamin kelangsungan kekuatan kurikulum qiraat, sekaligus memantapkan hala tuju pendidikan qiraat di Malaysia.

Bidang Kajian: *Konsep, Pendidikan Qiraat dan Persepsi Pensyarah*

1. Pendahuluan

Hassan Langgulung (1979) menegaskan, pendidikan ialah “*merubah dan memindahkan nilai-nilai kebudayaan kepada setiap individu dalam masyarakat melalui berbagai-bagai proses. Proses-proses itu pengajaran, latihan dan indoktrinasi. Pemindahan nilai-nilai melalui pengajaran ialah memindahkan pengetahuan dari seorang ke seorang dan latihan ialah membiasakan diri melakukan sesuatu pekerjaan bagi memperoleh kemahiran sementara proses indoktrinasi pula menjadikan seseorang dapat meniru apa yang dilakukan oleh orang lain. Ketiga-tiga proses tersebut berjalan serentak dalam masyarakat primitif atau moden*”.

Pendidikan qiraat telah bermula pada zaman Rasulullah s.a.w, Rasulullah merupakan orang yang pertama mempelopori ilmu qiraat kerana qiraat bermula ketika proses penurunan al-Quran dan baginda s.a.w yang telah mengajarkan al-Quran kepada para sahabat sama sepertimana yang diajarkan oleh malaikat Jibril kepadanya.(Shahih al-Bukhari, 1994). Pendidikan qiraat ialah berkaitan perselisihan wajah-wajah qiraat dan bacaan al-Qur’an,(Abd al-Fattah al-Qadhi, 1955), yang merupakan satu ilmu yang membezakan antara qiraat shahih

yang mutawātir dan qiraat syadh (Khayr al-Din Sayyb, 2008) yang nadīr sehingga mewujudkan qiraat yang boleh dibaca atau qiraat tidak boleh dibaca yang menjadi satu benteng atau garis panduan daripada sebarang penyelewengan atau perubahan di dalam ayat-ayat al-Qur'an dan lahirilah ilmu Qiraat yang telah disusun oleh para ulama mutaqqaddimīn. Penyusunan ilmu Qiraat ini memberi impak yang besar di kalangan umat Islam untuk memberi kemudahan di dalam pembacaan kalimah-kalimah al-Qur'an.

2. Latar Belakang Kajian

Pendidikan Qiraat telah mula dilaksanakan sejak program Diploma Tahfiz al-Quran diperkenalkan di Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat pada tahun 1966 yang beroperasi di Masjid Negara di bawah anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) di Jabatan Perdana Menteri (Wan Muhammad 1995) sehingga dinaiktaraf pada tahun 1997 dibawah pentadbiran kerajaan pusat iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang mengurus berkaitan hal ehwal Islam secara umum di Malaysia dan diberi nama Darul Quran dan kini bertempat di Kuala Kubu Bharu (Darul Quran 2007). Darul Quran pada asalnya digubal sebagai institusi pertama pengajian al-Quran di Malaysia telah mengadaptasi dan melaksanakan pendidikan Qiraat.

DQ memainkan peranan utama sebagai sebuah pusat pengajian yang menawarkan program pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat di peringkat sijil, diploma dan diploma lanjutan, merancang dan melaksanakan program pengajian serta kursus dan latihan secara bersistematik serta berkualiti sama ada dari segi akademik dan tenaga kepakaran dalam bidang pengkhususan tahfiz al-Quran dan qiraat. (Darul Quran 2005). Manakala Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri adalah merujuk kepada institusi tahfiz yang dikawal selia oleh kerajaan negeri yang mempunyai pentadbiran hal ehwal islam yang tersendiri berdasarkan undang-undang negeri masing-masing serta diletakkan sepenuhnya di bawah Majlis Agama Islam yang dinaungi oleh pemerintah negeri atau sultan. Penyertaan seluruh Ma'ahad-ma'ahad tahfiz al-Quran melaksanakan kurikulum Qiraat antara tahun 1979 sehingga tahun 2011 mengikut penubuhan tahun ma'ahad yang berbeza-beza yang berpusatkan pentadbiran DQ dalam semua hal-hal yang berkaitan akademik, kurikulum, peperiksaan serta pengajaran dan pembelajaran melibatkan tiga belas buah MTQN dari seluruh Malaysia. (Darul Quran 2005).

Keperluan PQ digariskan para ulama dalam tiga kriteria iaitu rukun qiraat yang dapat diterima keshahihannya iaitu bertepatan dengan penulisan salah satu mashaf Uthmaniyyah, bertepatan dengan wajah atau kaedah bahasa Arab. (Ali Muhammad Hunas, 2004), Para ulama bersepakat menjelaskan bahawa hukum mengajar dan mempelajari ilmu qiraat adalah fardhu kifayah. (Abd al-Fattah al-Qadhi, 1955) Ilmu qiraat bersumberkan apa yang dipindahkan (*al-Naql*) secara shahihah dan mutawātir daripada imam qiraat yang bersambung sanad mereka dengan Rasulullah s.a.w. (al-Bazmul, 1996).

Abd al-Fattah al-Qadhi (1955) menyatakan bahawa objektif kurikulum qiraat iaitu dapat memelihara daripada sebarang kesalahan membaca atau menyebut kalimah-kalimah al-Quran, dapat menjaga kalimah-kalimah al-Quran daripada penyelewengan dan perubahan daripada yang asal, dapat mengetahui bacaan daripada para imam qurra' dan dapat membezakan antara bacaan qiraat yang boleh dibaca dan tidak boleh dibaca.

Manakala falsafah program Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat ialah membentuk generasi al-Quran yang bertakwa, berilmu dan berrmanfaat kepada pembangunan ummah. Manakala antara objektif khas Darul Quran ialah untuk melahirkan Qurra' (Qari dan Qariah) yang mahir lagi berwibawa dalam seni bacaan al-Quran dan ilmu qiraat. (Darul Quran 2005). Pada tahun 2012 objektif khas program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat telah digubal dan dikemaskini sehingga menjadi sembilan objektif iaitu melahirkan huffaz yang beriman, bertakwa, berkebolehan menguasai dan mempraktikkan ilmu asas pengajian islam dalam bidang al-Quran dan al-Sunnah, berkebolehan memiliki ilmu-ilmu Islam yang mendalam dalam bidang pengajian al-Quran dan al-Sunnah, berkebolehan mengenal pasti permasalahan Hal Ehwal Islam yang berkaitan al-Quran dan al-Sunnah serta dapat menanganinya dengan lebih cekap, berkebolehan merekacipta bentuk dan menjalankan penyelidikan dalam al-Quran dan al-Sunnah serta mampu menganalisis dan menginterpretasi data, berkebolehan berfungsi dengan baik dan berkesan dalam kepimpinan secara individu dan kumpulan, mempunyai etika dan tanggungjawab dalam pembangunan Negara, berkebolehan untuk berkomunikasi secara berkesan, menyedari kepentingan mendalami ilmu pengetahuan dan menjalani pembelajaran sepanjang hayat, berpengetahuan untuk menceburkan diri dalam bidang pentadbiran, pengurusan dan keusahawanan. (Darul Quran 2012).

3. Objektif Kajian

Objektif dalam kajian ialah untuk:

- a) Mengenalpasti konsep pendidikan Qiraat,
- b) Meninjau persepsi pensyarah terhadap konsep pendidikan Qiraat
- c) Mencadangkan langkah-langkah yang boleh meningkatkan mutu pendidikan Qiraat.

4. Metodologi

4.1 Sample dan metod pengumpulan data

Pensyarah Qiraat yang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran qiraat dalam Diploma Tahfiz al-Quran di Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri kerana mereka terlibat dengan pendidikan Qiraat dan mempunyai maklumat di dalam bidang pendidikan qiraat di DQ dan MTQN. Kajian ini merupakan sub topik kajian Doktor Falsafah yang telah dijalankan di Darul Quran. Seramai 46 orang pensyarah yang dipilih menjadi responden kajian ini yang terlibat dengan pengajian Qiraat. Sebanyak 46 set soalselidik diedarkan sendiri oleh pengkaji terhadap pensyarah yang telah disetkan oleh pihak pentadbiran DQ dan MTQN selepas mendapat kebenaran daripada pihak JAKIM serta pentadbiran DQ dan MTQN, begitu juga selepas mendapat persetujuan temujanji antara pensyarah yang terlibat.

4.2 Instrumen

Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik kerana ia bersesuaian dengan keadah tinjauan. Soal selidik yang digunakan adalah soal selidik jawapan dipilih. Dalam kajian ini penyelidik telah memilih untuk menggunakan kaedah pemungutan data secara skala jawapan jenis Likert lima mata sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen kajian ini. Skala Likert adalah sesuai digunakan bagi mengukur pandangan yang diberikan oleh responden dalam ruang tertentu secara berterusan tentang suatu amalan persepsi dan sikap (Cohen et.al 2000). Dalam instrumen kajian ini, responden diminta memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu nombor dari 1 hingga 5

berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut iaitu Sabgat Tidak Setuju (1) hingga kepada Sangat Setuju (5).

Bagi menentukan kesahan dalam soal selidik telah dirujuk kepada tujuh orang yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang pendidikan qiraat dan penyelidikan. Manakala kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik ini, satu analisis data telah dilakukan untuk mendapatkan nilai alpha Cronbach. Didapati instrumen soal selidik pelajar ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu nilai alpha Cronbach ialah 0.93. Ini satu petunjuk yang baik tentang kebolehpercayaan instrumen tersebut dalam mengukur item-item yang hendak diukur.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Stufflebeam (1971)

Penyelidik juga mengumpulkan data kualitatif melalui satu set temu bual semi struktur di kalangan responden yang dipilih juga berasaskan persampelan purposif yang mana responden adalah pensyarah yang berpengalaman dan yang bersedia untuk memberikan kerjasama yang baik dalam kajian ini seramai 18 orang. Temu bual ini juga membantu penyelidik dalam menyokong dan memperdalamkan beberapa data yang diperolehi dalam soal selidik dan pemerhatian. Menurut Mohd Majid Konting, 2009 bahawa Penggunaan kaedah temubual ini sangat praktikal digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat daripada populasi yang kecil.

5. Dapatan Kajian

5.1 Analisis Profil Responden

Dapatan kajian yang dilaporkan ini adalah sebahagian sub topik daripada kajian calon Doktor Falsafah. Laporan dapatan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama akan menjelaskan profil responden, manakala bahagian kedua akan menjelaskan tentang dapatan konsep pendidikan qiraat dalam kajian ini. Kesemua pensyarah yang menjadi responden kajian ini ialah pensyarah yang terlibat dengan p&p pendidikan qiraat di DQ dan MTQN. Dapatan kajian profil pensyarah qiraat meliputi maklumat nama institusi, jantina, umur, tahap pengajian, pengalaman mengajar, kekerapan menghadiri kursus, tugas utama berkaitan ilmu qiraat dan anugerah yang pernah diperolehi. Kesemua dapatan ini boleh dilihat dalam jadual 2.

Jadual 2: Bahagian A Latar Belakang Pensyarah DQ dan MTQN

Item		Kekerapan	Peratusan
Nama Institusi / Ma'ahad	DQ	16	34.8%
	MTQN	30	65.2%
Jantina	Lelaki	41	89.1%
	Perempuan	5	10.9%

Umur	> Kurang 25 tahun	2	4.3%
	25 – 35 tahun	26	56.5%
	36 – 45 tahun	8	17.4%
	< 45 tahun	10	21.7%
Tahap Pengajian	Sijil Perguruan	1	2.2%
	Diploma	46	100%
	Diploma Perguruan	1	2.2%
	Sarjana Muda	44	95.7%
	Sarjana Muda KPLI	1	2.2%
	Sarjana	2	4.3%
	PhD	0	0%
Pengalaman Mengajar	Kurang 5 tahun	22	47.8%
		10	21.7%
	5 - 10 tahun	7	15.2%
	11 – 15 tahun	4	8.7%
	16 - 20 tahun	3	6.5%
	Lebih 21 tahun		
Anugerah yang pernah diperolehi	<i>Sanad</i> (ijazah) bacaan al-Quran (<i>Riwayat Hafz 'an 'Asim</i>)	35	76.1%
	<i>Sanad</i> (ijazah) bacaan al-Quran (bacaan Qiraat selain <i>Riwayat Hafz 'an 'Asim</i>)	19	54.3%
	Tiada Sanad	11	23.9%

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-1 April 2014

Berdasarkan jadual 1 di atas, Daripada 46 orang pensyarah yang mengajar Qiraat Ilmi dan Qiraat Amali di DQ dan MTQN, 34.8% adalah daripada DQ dan 65.2% adalah daripada MTQN. Ini menunjukkan pensyarah di MTQN lebih ramai berbanding DQ kerana MTQN terlibat dengan 9 buah institusi.

Dari aspek jantina pula, terdapat 89.1% adalah pensyarah lelaki dan 10.9% adalah pensyarah perempuan. Ini juga jelas menunjukkan bahawa pensyarah lelaki lebih dominan daripada pensyarah perempuan yang melaksanakan kurikulum qiraat di DQ dan MTQN.

Kesemua pensyarah yang terlibat dengan responden kajian terdiri daripada empat peringkat umur. Daripada 46 orang pensyarah, hanya dua orang (4.3%) yang berumur kurang dari 25 tahun dalam peringkat pertama, manakala peringkat kedua dari umur 25 tahun hingga 35 tahun iaitu seramai dua puluh enam orang (56.5%) dan peringkat ini merupakan peratusan terbesar dalam peringkat umur guru, diikuti dengann peringkat keempat iaitu melebihi 45 tahun iaitu seramai sepuluh orang (21.7%) dan peringkat ketiga antara umur 36 hingga 45

tahun iaitu seramai lapan orang (17.4%). Secara umumnya, dapat dilihat majoriti pensyarah muda yang terlibat dengan p&p Qiraat adalah antara 25 hingga 35 tahun.

Dari aspek latar belakang pensyarah juga dapat dilihat tahap pengajian mereka iaitu semua guru (100%) berkelulusan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, dan terdapat di kalangan mereka yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengkhususan Qiraat iaitu (95.7%) dan hanya dua orang pensyarah (4.3%) tidak memiliki ijazah sarjana muda, daripada empat puluh enam orang pensyarah, hanya seorang sahaja yang memiliki sijil perguruan iaitu seorang (2.2%), seorang (2.2%) sahaja yang memiliki diploma perguruan, seorang (2.2%) pensyarah sahaja yang memiliki Ijazah Sarjana Muda KPLI dan dua orang (4.3%) pensyarah yang memiliki Sarjana.

Dapatan ini menunjukkan profil pensyarah yang melaksanakan pengajaran kurikulum qiraat adalah guru muda yang berumur antara 25 hingga 35 tahun dan mempunyai pengalaman kurang daripada sepuluh tahun.

Dan dari aspek anugerah yang pernah diperolehi, peratusan terendah bagi guru yang tidak mempunyai sanad iaitu seramai 11 orang (23.9%) berbanding dengan 35 orang (76.1%) yang memiliki sanad (ijazah) bacaan al-Quran riwayat Hafs 'an Ashim dan terdapat juga di kalangan guru yang memiliki sanad (ijazah) bacaan al-Quran riwayat Hafs 'an 'Asim iaitu (selain riwayat Hafs 'an 'Asim iaitu seramai 19 orang (54.3%).

Kesimpulan daripada dapatan profil pensyarah yang terlibat dengan pendidikan Qiraat secara keseluruhannya, menunjukkan bahawa pensyarah qiraat yang melaksanakan kurikulum qiraat menunjukkan pensyarah lelaki lebih ramai berbanding dengan pensyarah perempuan, walaupun sebahagian besar di kalangan pensyarah mempunyai pengalaman baru iaitu kurang 10 tahun dalam bidang p&p qiraat dan berusia muda sekitar umur 25 hingga 35, tetapi mereka mempunyai kelayakan yang sesuai dengan bidang serta mempunyai kepakaran dalam bidang pengkhususan qiraat. Walau bagaimana pun terdapat sedikit kekurangan kerana masih ramai yang tidak memiliki ikhtisas perguruan yang boleh menjadikan p&p qiraat lebih menarik dan sistematik.


5.2 Kebolehpercayaan Analisis

Menurut Pallant (2001) dalam Noraini Idris(2010), nilai indeks alpha sebanyak .7 atau ke atas adalah baik untuk skala instrumen yang mempunyai sepuluh item atau lebih item. Manakala nilai alpha sebanyak .5 pula dianggap baik untuk skala instrumen yang mempunyai kurang daripada sepuluh item. Hasil kajian rintis yang dijalankan oleh penyelidik menunjukkan bahawa koefisien kebolehpercayaan bagi keseluruhan soal selidik pelajar ialah .93. Dan bagi semua item-item keberkesanan kurikulum Qiraat melebihi $>.9$. Ini menunjukkan satu koefisien kebolehpercayaan yang berada dalam tahap tinggi di dalam menilai persepsi pelajar terhadap keberkesanan kurikulum qiraat.

5.3 Analisis Konsep Pendidikan Qiraat

Konsep pendidikan qiraat mempunyai tiga elemen penting daripada perspektif pensyarah iaitu keperluan kurikulum qiraat, objektif dan falsafah kurikulum qiraat di DQ dan MTQN.

Rajah 1: Konsep Pendidikan Qiraat



Sumber : Adaptasi Stufflebeam 1971

Dapatan menunjukkan bahawa analisis kesemua konsep pendidikan qiraat mencatatkan interpretasi min pada tahap tinggi iaitu keperluan PQ (min=4.57, sp=0.56), objektif PQ (min=4.53, sp=0.59) dan falsafah PQ (min=4.45, sp=0.69).

Dapatan menunjukkan keseluruhan item-item keperluan PQ mengikut persepsi pensyarah berada di tahap yang amat memuaskan iaitu tinggi dalam jadual 3 di bawah. Dapatan kajian menunjukkan pensyarah amat bersetuju dengan item-item keperluan PQ iaitu tuntutan fardhu kifayah, kemutawatiran al-Quran, menghalang penyelewengan, mengetahui rukun-rukun qiraat iaitu mesti bertepatan dengan rasm uthmani, wajah bahasa arab serta sanad yang shahih. Pensyarah juga bersetuju keperluan PQ dinyatakan dalam kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat JAKIM dan ini disokong dengan hasil temubual bersama semua pensyarah.

Jadual 3: Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Min Persetujuan Pensyarah Terhadap Keperluan PQ

Keperluan PQ	STS	TS	KS	S	SS	Mi n	S.P	Interpretasi
Menyempurnakan tuntutan Fardhu Kifayah	0 0%	0 0%	0 0%	18 39.1 %	28 60.9 %	4.60	0.49	Tinggi
Menjamin Kemutawatiran Al-Quran	0 0%	0 0%	0 0%	12 26.1 %	34 73.9 %	4.73	0.44	Tinggi
Menghalang penyelewengan dan perubahan Al-Quran	0 0%	0 0%	0 0%	11 23.9 %	35 76.1 %	4.76	0.43	Tinggi
Tahu Qiraat yang dapat diterima kesahihannya mesti bertepatan dengan salah satu Mashaf Rasm Uthmani	1 2.2%	1 2.2 %	0 0%	16 34.8 %	28 60.9 %	4.50	0.80	Tinggi
Tahu Qiraat yang dapat diterima kesahihannya mesti bertepatan dengan wajah Bahasa Arab	0 0%	0 0%	3 6.5 %	21 45.7 %	22 47.8 %	4.41	0.61	Tinggi
Tahu Qiraat yang dapat diterima kesahihannya mesti bertepatan dengan Sanad yang sah	0 0%	0 0%	1 2.2 %	16 34.8 %	29 63.0 %	4.60	0.53	Tinggi

Keperluan Kurikulum Qiraat dinyatakan dalam kurikulum diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat JAKIM	0 0%	1 2.2%	2 4.3%	19 41.3%	24 52.2%	4.43	0.68	Tinggi
Min Keseluruhan						4.57	0.56	Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-1 April 2014

Manakala hasil dapatan dalam jadual 4 di bawah menunjukkan persetujuan pensyarah terhadap objektif PQ yang berada di tahap tinggi yang merangkumi item-item sebutan bacaan al-Quran yang betul secara talaqqiy dan musyafahah, bacaan imam dan rawi, al-Quran sebagai kitab syariat perundangan. Hasil temubual juga menunjukkan bahawa semua item-item objektif yang dikemukakan dalam soal selidik menepati objektif PQ dan dinyatakan dalam kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat.

Jadual 4: Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Min Objektif PQ

Objektif PQ	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Membaca Al-Quran dengan sebutan yang betul melalui Talaqqi dan Musyafahah	0 0%	0 0%	0 0%	13 28.3%	33 71.7%	4.71	0.45	Tinggi
Mengetahui bacaan imam-imam dan perawi-perawi Qiraat	0 0%	0 0%	0 0%	12 26.1%	34 73.9%	4.73	0.44	Tinggi
Menunjukkan keagungan Al-Quran sebagai sebuah kitab perundangan Syariat	0 0%	0 0%	2 4.3%	11 23.9%	33 71.7%	4.67	0.55	Tinggi
Saya tahu objektif pendidikan Qiraat kerana dinyatakan dalam kurikulum Qiraat DQ dan MTQN	1 2.2%	3 6.5%	4 8.7%	23 50.0%	15 32.6%	4.04	0.94	Tinggi
Min Keseluruhan						4.53	0.59	Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-1 April 2014

Jadual 5: Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Min Persetujuan Pensyarah Tentang Falsafah PQ

Falsafah PQ	ST S	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Intrpretasi
Pelajar bertakwa, berilmu dan bermanfaat kepada ummah	0 0%	1 2.2%	3 6.5%	19 41.3%	23 50.0%	4.39	0.71	Tinggi
Huffaz yang mahir dalam pembacaan dan pengajian ilmu Al-Quran dan ilmu Qiraat	0 0%	0 0%	5 10.9%	11 23.9%	30 65.2%	4.54	0.68	Tinggi

Huffaz dan Qurra' yang berketrampilan	3 6.5 %	5 10.9 %	4 8.7 %	8 17.4%	26 56.5%	4.06	1.30	Tinggi
Pendakwah yang mahir dan bersesuaian dengan keperluan ummah	0 0%	0 0%	5 10.9 %	20 43.5%	21 45.7%	4.34	0.67	Tinggi
Imam yang bertauliah dan professional melalui ilmu-ilmu Al-Quran	0 0%	1 2.2 %	0 0%	16 34.8%	29 63.0%	4.58	0.61	Tinggi
Pendidik yang bertauliah dan profesional melalui ilmu-ilmu Al-Quran	0 0%	0 0%	0 0%	19 41.3%	27 58.7%	4.58	0.49	Tinggi
Huffaz yang mahir di dalam penguasaan bidang Qiraat	0 0%	0 0%	3 6.5 %	15 32.6%	28 60.9%	4.54	0.62	Tinggi
Huffaz yang memahami tentang ilmu Qiraat secara Ilmi dan Amali	0 0%	0 0%	1 2.2 %	15 32.6%	30 65.2%	4.63	0.53	Tinggi
Huffaz yang berkebolehan di dalam Qiraat Sab'ah	0 0%	0 0%	4 8.7 %	17 37.0%	25 54.3%	4.45	0.65	Tinggi
Min Keseluruhan						4.45	0.69	Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-1 April 2014

Jadual 5 menunjukkan bahawa keseluruhan item-item falsafah PQ berada di tahap tinggi. Item hufaz yang memahami tentang ilmu Qiraat secara ilmi dan amali berada di tahap yang paling tinggi.

6. Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis keseluruhan dapatan yang telah dikemukakan oleh responden, maka beberapa dapatan telah dapat dapat dihasilkan dalam kajian ini iaitu:

- 1) Profil pensyarah menunjukkan mereka mempunyai latarbelakang pendidikan qiraat yang kukuh iaitu dalam bidang pengkhususan dalam bidang qiraat di Timur Tengah ditambah dengan majoriti pensyarah mempunyai anugerah sanad dalam qiraat.
- 2) Dapatan juga menunjukkan hanya minoriti kalangan pensyarah yang memiliki ikhtisas perguruan.
- 3) Persepsi pensyarah terhadap konsep pendidikan qiraat berada pada tahap yang tinggi dalam ketiga-tiga elemen iaitu keperluan PQ, objektif PQ dan falsafah PQ.
- 4) Hasil temubual juga menyokong bahawa keperluan dan objektif PQ ada dinyatakan di dalam kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM.
- 5) Di dalam elemen keperluan PQ menunjukkan item menghalang penyelewengan dan perubahan dalam al-Quran yang paling tinggi.
- 6) Item membaca al-Quran dengan sebutan yang betul secara talaqqi dan musyafahah merupakan item yang paling tinggi dalam objektif PQ.

- 7) Manakala dalam elemen falsafah PQ menunjukkan PQ untuk melahirkan huffaz yang memahami dalam Qiraat Ilmi dan Qiraat Amali berada di tahap yang paling memuaskan.

7. Kesimpulan dan Cadangan

Dapatan kajian persepsi pensyarah terhadap konsep PQ yang merangkumi keperluan, objektif dan falsafah berada di tahap tinggi dan amat memuaskan.

Manakala keperluan dan objektif PQ dinyatakan dalam kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM.

Antara cadangan-cadangan adalah seperti berikut:

- 1) Pihak DQ dan MTQN sentiasa mengemaskini dan menyemak konsep PQ ini agar selari dengan perkembangan dan tuntutan semasa.
- 2) Untuk meningkatkan kepakaran akademik di kalangan pensyarah, perlu mengadakan kursus-kursus, bengkel-bengkel berkaitan kemahiran perguruan.
- 3) Pihak berwajib juga perlu memberi galakan dan peluang kepada para pensyarah untuk meningkatkan tahap pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi.
- 4) Pihak kementerian perlu bersungguh-sungguh dalam mengangkat martabat DQ dan MTQN sebagai sebuah institusi pengajian dalam bidang pendidikan qiraat.

Rujukan

Al-Quran

‘Alī Muhammad Taufiq Al-Nuhās, *Muqaddimah fī ‘Ulum al-Qirā’at* (1425H/2004M; cet.per-1, Ṭantā: Dār al-Sabah li al-Turās).

Abd al-Fattah al-Qadhi (1415H/1955M), *al-Budur al-Zahirah fī al-Qiraat al’Asyra al-Mutawatirah min tariq al-Syatibiyah wa al-Durrah*, Kaherah:Maktabah ‘Isa al-Bab al-Halabi.

Abd Rahman Abd Ghani, Zainora et al, Kurikulum Pengajian dan Permasalahan Qiraat di KUIS: Kajian di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dalam Jurnal Pengajian Islam,Unit Pembangunan dan Penyelidikan, Akademi Islam KUIS.2012.

Abd Rahman Abd Ghani, Zainora et al., Prosiding Seminar Keb.Penyelidikan dan Pendidikan Qiraat, Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS, Bangi, Selangor.(24-25 Disember 2010).

Al-Dimyati, al-‘Allamah al-Shaykh Shihab al-Din Ahmad bin Muhammad ‘Abd al-Ghani, 1419H/1998, *Ithaf Fudala’ al-Bashar fī al-Qiraat al-‘Arba’ ‘Ashar*.Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Badr al-Din Muhammad bin ‘Abdullah al-Zarkasyi, 1972. *Manahil al-‘Irfan fī ‘Ulum al-Quran*. Kaherah :Maktabah ‘Isa al-Bab al-Halabi.

- Daniel L.Stufflebeam and Anthony, J.Shinkfield. (1984). *Syctematic Evaluation: A Self Intructional Guide to Theory and Practice*. Boston: Kluwer-Nojhoff Publishing.
- Darul Quran 2005.*Sejarah Darul Quran*. Unit Perhubungan,Darul Quran.
- Darul Quran 2007.*Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat*, Unit Kurikulum Darul Quran.
- Darul Quran 2010.*Keputusan Peperiksaan Darul Quran 2010*. Unit Peperiksaan, Bahagian Akadedemi, Darul Quran.
- Darul Quran 2012.*Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat*, Unit Kurikulum Darul Quran.
- Ee Ah Meng 1997 *Pedagogi II Pelaksanaan Pengajaran*. Selangor Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Hassan Langgulung, (1979) *Pendidikan Islam Suatu Analisa Sosio Psikologikal*, Kuala Lumpur: Pstaka Antara.
- Ibn al-Jazari al-Imam al-Hafiz Abu Khayr al-Dimashqi Muhammad bin Muhammad, (1400H/1980M),*Munjid al-Muqri' in wa Murshid al-Talibin*, Kaherah:Maktabat al-Qudsi.
- Ibnu al-Jazari, 1961*Taqrib al-Nasyr fi al-Qiraat al-‘Ashr Mesir: Maktabah Mustafa al-Babi’ al-Halabi wa Awladih*.
- Khayr al-Din Sayyb. (1429H/2008M). *Al-Qiraat al-Quraniyyah wa Atharuha fi al-Ikhtilaf al-Ahkam al-Fiqhiyyah*. Beirut, Lubnan:Dar Ibn Hazam.Cet.1
- Micheal Q.Patton, *How to Use Qualitative Metods in Evaluation* (USA: SAGE Publications.Inc., 1987.
- Mohd Majid Konting, 2009, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan cet.ke8*, DBP: Kuala Lumpur.
- Muhammad ‘Umar bin Salīm al-Bazmūl, *Al-Qirā’at wa Āthāruhā fī al-Tafsīr wa al-Ahkām*. (1417H/1996M , cet.per-1, Riyadh: Dar al-Hijrah), 1: 94.
- Noraini Idris (2010), *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia Sdn. Bhd).
- Noresah Baharom,(2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*.Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Sabri Mohamad, *Tajuk Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Qiraat: UKM*. (Prosiding Seminar Keb.Penyelidikan dan Pendidikan Qiraat, Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS, Bangi, Selangor. 24-25 Disember 2010).

- Sedek Ariffin, Kaedah Bacaan Qira'at Hamzah: Kajian di Darul Quran, Kuala Kubu Bharu, Selangor (Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008M).
- Sivachandralingham Sundar raja dan Ayadurai letchumanan (1999), Tamadun Dunia. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Stufflebeam, D.L & Shienkfield, A.J. The Relevance of CIPP Evaluation Model for Educationalaccountability. Journal of Research and Development in Education Fall, 1971.
- Vincet Pang&Denis Lajium(2010), Penilaian dalam Pendidikan, Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Yusof Abdul Kadir. Analisis Diskrepansi Pelaksanaan Kurikulum Sab'ah di Sebuah Sekolah Menengah, (Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2007).
- Zainora Daud.(2011)Tahap Pemahaman Pelajar-pelajar Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS Terhadap Matan Syatibi: Satu Kajian dalam Jurnal Qiraat, Pusat Pembangunan Penyelidikan:KUIS.